



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 55

14hb Mac 2002

No. 6

AKTA HARI KELEPASAN AM 1951
(Akta 369)

No. 127.

HARI-HARI KELEPASAN AM DALAM NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN 2003

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Subseksyen 9 (1) Akta Hari Kelepasan Am 1951, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini menetapkan hari-hari yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini menjadi Hari-hari Kelepasan Am Negeri, sebagai tambahan kepada Hari-hari Kelepasan Am yang tersebut di dalam Jadual Yang Pertama kepada Akta tersebut bagi tahun 2003.

- | | | |
|---|---|---------------------------|
| 1. Hari Raya Haji (Hari Kedua) | — | Khamis, 13 Februari 2003. |
| 2. Hari Ulang Tahun Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu | — | Selasa, 4 Mac 2003. |
| 3. Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu | — | Ahad, 20 Julai 2003. |
| 4. Hari Nuzul Quran | — | Rabu, 12 November 2003. |

Bertarikh 26 Februari 2002.
[SUK. TR. 240/1/Bhg. 15.]

WAN MOHD. RUBI BIN WAN JUSOH,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu

ENAKMEN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN
KELUARGA ISLAM 1985

ADMINISTRATION OF ISLAMIC FAMILY LAW
ENACTMENT 1985

No. 128.

PERLANTIKAN JURUNIKAH DAN WALI RAJA
APPOINTMENT OF JURUNIKAH AND WALI RAJA

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Subseksyen 26 (5) dan Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1985, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah melantik orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai Jurunikah dan Wali Raja bagi Negeri Terengganu Darul Iman berkuat kuasa mulai 1 Julai 2000.

In exercise of the powers conferred by Subsection 26 (5) and Section 2 of the Administration of Islamic Family Law Enactment 1985, His Royal Highness the Sultan has appointed the persons named in the Schedule as Jurunikah and Wali Raja for the State of Terengganu Darul Iman with effect from 1 July 2000.

JADUAL/SCHEDULE

Haji Abdul Halim bin Abdul Kadir.

Haji Zainal Abidin bin Ahmad.

Dengan Titah Perintah,
By Command,

Bertarikh 18 Februari 2002.
Dated 18 February 2002.
[SUK. TR. 800/4/23 Bhg. 2;
PUN. TR. 142.]

DATO' SERI TUAN GURU
HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,
Menteri Besar,
Terengganu

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM 1986
(En. Tr. No. 12/86)

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENACTMENT 1986
(Tr. En. No. 12/86)

No. 129.

PEMBATALAN JAWATANKUASA FATWA
REVOCATION OF FATWA COMMITTEE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 24 (2) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah membatalkan orang-orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai Pengerusi, Ahli-ahli dan Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Terengganu mulai 1 Februari 2002.

In exercise of the powers conferred by Section 24 (2) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment 1986, His Royal Highness the Sultan has revoked the persons named in the Schedule as Chairman, Members and Secretary of the Fatwa Committee of the Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Terengganu from the 1 February 2002.

JADUAL/SCHEDULE

Nama/Name	Jawatan/Position
1. YBM. Engku Pengeran Arif Di Raja, DPMT., JP., PJK., BLB. (Sahibus Samahah Mufti Negeri Terengganu)	Pengerusi/Chairman
2. YBM. Dato' Haji Engku Embong Edrus bin Abd. Kadir, DPMT., PJC., PJK., BLB.	Ahli/Member
3. Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd., DPMT., ASM., AMN., PJK., BLB.	Ahli/Member
4. Y. Bhg. Dato' Haji Mohamad Zubir bin Haji Awang, DPMT., ASM., JP.	Ahli/Member
5. Y. Bhg. Prof. Madya Dato' Abdullah bin Mohd. Zin, DPMT.	Ahli/Member
6. Y. Bhg. Dato' Haji Ambak bin Ismail, DPMT.	Ahli/Member
7. Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Abdullah bin Abu Bakar	Ahli/Member
8. Haji Ab. Rahman bin Ahmed	Ahli/Member
9. Y. Bhg. Dr. Salleh bin Ismail	Ahli/Member
10. Encik Talib bin Abd. Rahman	Ahli/Member
11. Encik Padzal bin Haji Mokhtar, SMT., PJK. (Ketua Penolong Pesuruhjaya (Penyelidikan))	Setiausaha/Secretary

Dengan Titah Perintah,

By Command,

Bertarikh 14 Februari 2002.

Dated 14 February 2002.

[SUK. TR. 880/61 Bhg. 6 – (42).]

DATO' SERI TUAN GURU

HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,

Menteri Besar,

Terengganu

No. 130.

PERLANTIKAN JAWATANKUASA FATWA

APPOINTMENT OF FATWA COMMITTEE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 24 (1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah melantik orang-orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai Pengerusi, Naib Pengerusi, Ahli-ahli dan Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Terengganu bagi tempoh tiga tahun mulai 1 Februari 2002 hingga 31 Januari 2005.

In exercise of the powers conferred by Section 24 (1) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment 1986, His Royal Highness the Sultan has appointed the persons named in the Schedule as Chairman, Vice Chairman, Members and Secretary of the Fatwa Committee of the Majlis Agama Islam dan Adat Melayu, Terengganu for the period of three years with effect from the 1 February 2002 to the 31 January 2005.

JADUAL/SCHEDULE

Nama/Name	Jawatan/Position
1. Mufti Negeri Terengganu, (Al-Syeikh Haji Abdul Halim bin Abdul Kadir, AMN.)	Pengerusi/Chairman
2. Timbalan Mufti Negeri Terengganu (Haji Zainal Abidin bin Ahmad)	Naib Pengerusi/Vice Chairman
3. Dr. Abdullah bin Abu Bakar	Ahli/Member
4. Haji Amat @ Haji Anuar bin Haji Zainal Abidin	Ahli/Member
5. Dato' Haji Engku Embong Edrus bin Abd. Kadir, DPMT., PJC., PJK., BLB.	Ahli/Member
6. Haji Ab. Rahman bin Ahmed	Ahli/Member
7. Dr. Salleh bin Ismail	Ahli/Member
8. Haji Awang bin Abdul Rahman @ Sulaiman, PJC., PJK.	Ahli/Member
9. Haji Moktar bin Salleh	Ahli/Member
10. Syed Nazmi bin Tuan Taufek	Setiausaha/Secretary

Dengan Titah Perintah,
By Command,

Bertarikh 21 Februari 2002.
Dated 21 February 2002.
[SUK. TR. 880/61/1 (15).]

DATO' SERI TUAN GURU
HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,
Menteri Besar,
Terengganu

No. 131.PERLANTIKAN HAKIM-HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYAR'IAH
APPOINTMENT OF JUDGES OF THE SYAR'IAH COURT OF APPEAL

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 28 A (1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Menteri Besar, telah melantik orang-orang yang dinamakan dalam Jadual menjadi Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iah berkuat kuasa mulai 1 Februari 2001.

In exercise of the powers conferred by Section 28 A (1) of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment 1986, His Royal Highness the Sultan on the advice of the Menteri Besar, has appointed the person named in the Schedule to be the Judges of the Syar'iah Court of Appeal with effect from 1 February 2001.

JADUAL/SCHEDULE

1. Yang Amat Arif Dato' Haji Daud bin Muhammad
(Dato' Aria Di Raja).
2. Yang Berbahagia Dr. Abdullah bin Abu Bakar.

Dengan Titah Perintah,

By Command,

Bertarikh 28 Februari 2002.
Dated 28 February 2002.
[SUK. TR. 800/1127/4 – (24);
PUN. TR. (S) 142.]

DATO' SERI TUAN GURU
HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG,
Menteri Besar,
Terengganu

No. 132.

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 26 (3)

Bahawasanya menurut Seksyen 26 (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah perkenan supaya fatwa yang terkandung di dalam ini disiarkan dalam *Warta*.

Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Jawatankuasa

Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini membuat dan mengeluarkan Fatwa berikut:

Bahawasanya wang simpanan di Tabung Haji, wang simpanan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya yang mempunyai penama apabila penyimpanannya meninggal dunia maka wang simpanan tersebut adalah wang pusaka dan hendaklah dibahagikan menurut hukum faraid.

Oleh yang demikian orang Islam hendaklah menerimapai fatwa ini.

Dengan Titah Perintah,

Bertarikh 27 Februari 2002.

[SUK. TR. 1180/2/Bhg. 67 – (19).]

ENGKU MOHAMED BIN ENSKU ABDUL RAHMAN,
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama,
Terengganu

اينيكمين فنتدييران حال احوال اكام اسلام 1986
(اينيكمين ترغكانو 12 تاهون 1986)

فمبريتاهوان فتوى دباوه سيكشين 26 (3)

بهاواسن منوروت سيكشين 26 (3) اينيكمين فنتدييران حال احوال اكام اسلام 1986 دولي يغمها مليا توانكو السلطان تله فركنن سوفاي فتوى يغ تركندوغ ددالم اين دسياركن دالم **ورتا**.

اوليه يغمميكين، فد منجالنكن كواس 2 يغ دبيري دباره سيكشين 25 اينيكمين فنتدييران حال احوال اكام اسلام 1986 جواتنكواس فتوى مجلس اكام اسلام دان عادت ملايو ترغكانو دغن اين ممبوات دان مغلواركن فتوى برايكونت -

بهاواسن واغ سيمفانن دتابوغ حاج، واغ سيمفانن دكومقولن واغ سيمفانن فكرج دان سباكاين يغ ممقوپاوي فنام اقبيللا فييمفنن منيغكل دنيا مك واغ سيمفانن ترسوت اداله واغ فساك دان هندقله دبهاكيكن منوروت حكوم فرائض.

اوليه يغمميكين اورغ اسلام هندقله منريمافاكي فتوى اين.

دغن تيته فرينته،

اغكو محمد بن اغكو عبدالرحمن،
فسوروهجاي حال احوال اكام،
ترغكانو

برتاريخ 2002 فبواي 27.

[SUK. TR. 1180/2/Bhg. 67 – (19).]

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

No. 133.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Zakiah binti Ismail K/P. 410429–11–5022 yang beralamat di No. 6529 Km 16, Padang Mengkuang, Bukit Payong, Marang kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Bukit Payong. No. Lot—5846. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 3998. Luas—0.4880 hektar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 02/55/2002/0002.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 134.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Eshah binti Jusoh K/P. 500716–11–5198 yang beralamat di No. 12A, Kampung Tebakang, Bukit Payong, Marang kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Alor Limbat. No. Lot—2085. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 2820. Luas—0.1368 hektar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 01/55/2002/0004.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 135.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak

menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Fauziah binti Awang K/P. 580422-11-5144 yang beralamat di No. 1706, Jalan Panji Alam, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Pulau Kerengga. No. Lot—2132. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 494. Luas—1.9750 ekar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 05/55/2002/0002.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 136.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Encik A. Rahman bin Abdullah K/P. 270426-11-5025 yang beralamat di Jalan Dungun Kampung Rhu Muda, 21600 Marang kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Rusila. No. Lot—572. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 1169. Luas—0.0656 hektar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 06/55/2002/0001.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 137.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Meriam binti Daud K/P. 480610-11-5020 yang beralamat di Kampung Bukit Cerana, Bukit Payong, 21400 Marang kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Alor Limbat. No. Lot—2697. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 1363. Luas—0.5690 hektar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 01/55/2002/0003.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 138.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Muhamad bin Daimin K/P. 530721-11-5165 yang beralamat di No. 111-C, Kampung Ru Muda, 21600 Marang kerana menggantikan keterangan asal yang hilang sebagaimana Jadual berikut.

JADUAL

Mukim—Pulau Kerengga. No. Lot—111. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 193. Luas—0.2452 hektar.

Bertarikh 21 Februari 2002.
[PTM. 05/55/2002/0001.]

JUSMAN BIN IBRAHIM,
b.p. Pentadbir Tanah,
Marang

No. 139.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Karim bin Abas K/P. A0088203 yang beralamat di No. Lot 3389, Kampung Padang Lalang Bukit Besi, Dungun kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Besul. No. PT.—500. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 267. Luas—0.7766 hektar.

Bertarikh 17 Februari 2002.
[PTD. 02/55/2002/C001.]

HAJI MOHAMAD BIN A. RAHMAN @ OTHMAN,
b.p. Pentadbir Tanah,
Dungun

No. 140.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Kamariah binti Abdul Manaf K/P. 220929-10-5034 yang beralamat di No. 19, Jalan AU5C/5, Lembah Keramat, 54200 Kuala Lumpur kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—205. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 5927.
Luas—498 meter persegi.

Bertarikh 17 Februari 2002. HAJI MOHAMAD BIN A. RAHMAN @ OTHMAN,
[PTD. 06/55/2002/B002.] b.p. Pentadbir Tanah,
Dungun

No. 141.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Salma binti Endut K/P. 540310–11–5266 yang beralamat di No. Lot 1729, Taman Chendering, 21080 Kuala Terengganu kerana menggantikan hakmilik asal yang telah diikrarkan hilang.

JADUAL

Mukim—Hulu Paka. No. PT.—1636. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M). 213.
Luas—746 meter persegi.

Bertarikh 17 Februari 2002. HAJI MOHAMAD BIN A. RAHMAN @ OTHMAN,
[PTD. 03/55/2002/C001.] b.p. Pentadbir Tanah,
Dungun

No. 142.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu permohonan yang dibuat oleh Che Wan Awang bin Che Wan Idris K/P. 451227–11–5025 (2893521) yang beralamat di No. 21, Kampung Che Wan, 24100 Kijal, Kemaman telah membuat permohonan bahawa hakmilik telah hilang.

JADUAL

Mukim—Kijal. No. Lot—1210. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 141.
Luas—0.1967 hektar.

Bertarikh 13 Februari 2002. ZAWAWI BIN ABD. RAHMAN,
[PTK. 00/50/2002/B/0001/(8A).] b.p. Pentadbir Tanah,
Kemaman

No. 143.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak

mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan daripada Encik Yahya bin Salleh K/P. 371113-11-5297 yang beralamat di No. 167, Kampung Rahmat, 21450 Calok, Setiu, Terengganu untuk mendapatkan satu (1) keterangan hakmilik sambungan kepada hakmilik keluaran sebagaimana dinyatakan dalam Jadual di bawah yang diikrarkan hilang.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Calok. No. Lot—4650. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 752. Luas—1.9020 hektar.

Bertarikh 7 Februari 2002.
[PTS. 00/55/2002/B001 (7).]

Pentadbir Tanah,
Setiu

No. 144.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Mohamad Nor bin Yaa'cob yang beralamat di c/o No. 46-A, Belakang Gudang, 22000 Jerneh, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Lubok Kawah. No. Lot—471. Jenis dan No. Hakmilik—KRM. 747. Luas—0.4451 hektar.

Bertarikh 18 Februari 2002.
[PTB. 10/55/2001/0075 (4).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 145.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu satu permohonan yang dibuat oleh Kelthom binti Awang yang beralamat di No. 85, Kampung Sentosa, Air Tawar, 22200 Kampung Raja, 22200 Besut, Terengganu bagi menggantikan keterangannya yang telah hilang sebagaimana Jadual di bawah.

JADUAL

Mukim—Keluang. No. Lot—1008. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 261. Luas—1,160 meter persegi.

Bertarikh 18 Februari 2002.
[PTB. 06/55/2001/0073 (5).]

WAN MOHD. FAIZUL BIN WAN ABAS,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

No. 146.

SAMAN

(Seksyen 261)

Di Pejabat Tanah, Kemaman dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Malayan Banking Berhad (Dahulu dikenali sebagai The Pacific Bank Berhad), Pemegang Gadaian.

DAN

Saudi bin Mohd. Ali K/P. 5829243, Penggadai.

Kepada Saudi bin Mohd. Ali yang beralamat di No. 3281, Taman Kekwa, 24000 Kemaman, Terengganu.

AMBIL PERHATIAN BAHAWASANYA pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan kepada Pentadbir Tanah, Kemaman di bawah Seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara 1965 supaya PERINTAH JUALAN dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian tersebut akan diadakan pada 4 Jun 2002 pukul 9.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

DAN SILA AMBIL PERHATIAN bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan mengakibatkan permohonan PERINTAH JUALAN DIKELUARKAN ke atas tanah tersebut di bawah Seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Telok Kalong. No. Lot—2452. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 1829. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1870/1994; Folio 80; Jilid 6.

Bertarikh 15 Oktober 2001.
[PTK. 12/53/2001/0037 (3).]

ZAWAWI BIN ABD. RAHMAN,
b.p. Pentadbir Tanah,
Kemaman

No. 147.

PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Adalah diberitahu kepada orang ramai iaitu Pejabat Tanah, Besut akan menjual lelong satu (1) tempat tanah kerajaan Lot PT. 4223 di daerah Belad Oh, Mukim Hulu Besut.

2. Lelongan ini akan dijalankan pada hari Isnin 20 Mei 2002 jam 10.00 pagi.

3. (a) Kenyataan Tanah:

- | | | |
|---------------------------|---|---------------------------|
| (i) Daerah | — | Belad Oh. |
| (ii) Keluasan (sementara) | — | 1.000 hektar. |
| (iii) Jenis Penggunaan | — | Pertanian (Dusun). |
| (iv) Surat Hakmilik | — | Pajakan Mukim (99 Tahun). |

(b) Harga Tanah:

Harga permulaan lelong ialah sebanyak RM12,000.00.

(c) Harga Tambahan:

(i) Hasil Tahunan	—	RM 10.00
(ii) Bayaran Upah Ukur	—	RM 50.00
(iii) Tanda Sempadan	—	RM 25.00
(iv) Persediaan Pelan	—	RM 5.00
(v) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Sementara	—	RM 20.00
(vi) Persediaan dan Pendaftaran Hakmilik Kekal	—	<u>RM 20.00</u>
	Jumlah:	<u>RM130.00</u>

(d) Syarat Nyata:

Hendaklah ditanam dengan tanaman buah-buahan sahaja.

(e) Sekatan Kepentingan:

Tidak dibenarkan pindahmilik, digadai atau dipajak kecuali mendapat kebenaran Pentadbir Tanah, Besut.

4. Lelongan ini hendaklah dibuka kepada Orang Melayu sahaja mengikut taksiran di bawah Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360H.

5. Syarat-syarat melelong adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan 26, Peraturan Tanah Terengganu, tahun 1966 seperti berikut:

- (i) Pentadbir Tanah berhak membatalkan atau menangguhkan jualan itu pada bila-bila masa sebelum diterima tawaran daripada penyambut-penyambut lelong.
- (ii) Penyambut yang tinggi sekali itulah yang akan jadi pembeli asalkan tawarannya itu sama dengan atau lebih tinggi daripada harga khas.
- (iii) Sebaik-baik sahaja tawarannya diterima maka hendaklah pembeli itu membayar cengkeram wang tunai kepada Pentadbir Tanah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada harga yang disambutnya bersekali dengan bayaran-bayaran tambahan yang tersebut di dalam perenggan 3 di atas dan sekiranya tidak disempurnakan sedemikian, tanah-tanah ini hendaklah dilelong semula dengan serta-merta.
- (iv) Wang pembelian itu hendaklah dijelaskan oleh pembeli sebelum berakhir urusan jual beli pada hari yang kesembilan puluh (90) daripada hari jualan tanah yang dibelinya itu dan dengan yang demikian selesai dan putuslah pembelinya. Jika sekiranya tidak dibayar dengan sepenuhnya seperti yang tersebut itu, maka hilanglah cengkeramnya, dapat kepada Pihak Yang Berkuasa Negeri dan pembeli yang mungkir itu hilanglah segala tuntutan kepada tanah itu atau sebarang bahagian daripada wang harganya sekiranya tanah itu dijual kemudian dengan sebab mungkirnya itu.

- (v) Surat-surat Milik Penyudah hendaklah didaftarkan dan dikeluarkan dengan seberapa segera setelah habis jualan itu. Jika tanah itu belum diukur oleh Ketua Juruukur, maka hendaklah dikeluarkan Keterangan Hakmilik Sementara.
- (vi) Hendaklah diberimilik dengan serta-merta selepas sahaja didaftarkan Surat Keterangan Milik Kekal atau Keterangan Hakmilik Sementara.
6. Sesiapa yang hendak melihat pelan atau mengetahui lebih lanjut berkenaan tanah-tanah yang tersebut hendaklah datang ke Pejabat Tanah, Besut pada waktu pejabat dibuka.

PEJABAT TANAH, BESUT.

Bertarikh 18 Februari 2002.
[PTG. TR. 01/75/2001/0005;
PTB. 03/71/2000/0051.]

AB. RASID BIN JUSOH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Besut

KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 1995

No. 148.

(Seksyen 28)

NOTIS PENANGGUHAN SIASATAN

Kepada Tuan Pengurus, Malayan Banking Berhad yang beralamat di Pusat Pengurusan Pinjaman, Kawasan Selangor, Paras 3, No. 11, Jalan 51A/222, 46100 Petaling Jaya, Selangor, pemegang gadaian di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Kepada Jefry bin Ngah K/P. A0271500 yang beralamat di No. 2741, Jalan Changkat Permata, Taman Permata, 53300 Kuala Lumpur, penggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa siasatan bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada 5 Februari 2002 jam 11.00 pagi ditangguhkan kepada:

Tarikh : 25 Mac 2002 (Isnin).

Jam : 10.30 pagi.

Tempat : Di Bilik Penolong Pentadbir Tanah 1,
Pejabat Tanah, Dungun.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sura. No. Lot—5162. Jenis dan No. Hakmilik—GM. 3882. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 46/1993; Folio 11; Jilid 1.

Bertarikh 28 Januari 2002.
[PTD. 11/53/2001/0002 (9).]

WAN KHALID BIN WAN JUSOH,
b.p. Pentadbir Tanah,
Dungun

AKTA PENGAMBILAN TANAH, 1960

(Akta 486)

No. 149.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Tapak Klinik Kesihatan Rhu Sepuluh, Mukim Chalok, Daerah Setiu.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

JADUAL

Mukim—Chalok. Daerah—Setiu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih Kurang Luas yang Hendak Diambil
	GM.		Hektar	Hektar
4074	1004	Ab. Rahim b. Muhammad K/P. 2896710 – 1/4, Sulong b. Nik K/P. 2897043 – 1/4, Wook bt. A. Bakar K/P. 2894582 – 1/4 dan Zakaria b. Abd. Malik K/P. 2896943 – 1/4 bhg.	0.7304	0.3651
4076	1006	Tengku Saidah bt. Tengku Mohd. Amin K/P. 3614216	0.0789	0.0789
4078	1014	Abd. Aziz b. Abd. Rashid K/P. 6059782 – 14/240, Che Hapesah bt. Md. Rashid K/P. 5384482 – 7/240, Che Maimun bt. Mohd. Rashid K/P. 4893848 – 7/240, Che Nordzi b. Mohd. Rashid K/P. A0103960 – 14/240, Kamariah bt. Abd. Rashid K/P. 5519305 – 7/240, Mohamad Rashid b. Yaziz – 1/2, Noraida bt. Mohd. Rashid K/P. A1398517 – 7/240, Nordin b. Md. Rashid – 14/240, Norida bt. Abdullah K/P. 6783737 – 7/240, Norita bt. Mohd. Rashid K/P. A0443237 – 7/240, Zaharah bt. Abdullah K/P. 1107899 – 15/240 dan Zaharah bt. Abdullah K/P. 1107899 – 21/240 bhg. 'Pemegang Amanah' No. Perserahan GTK. 212/82, Folio 6, Jilid 1 Kaveat Amanah atas syer ke atas Zaharah bt. Abdullah K/P. 1107899 sebagai 'Pemegang Amanah' 21/240 bhg. oleh Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.	0.0345	0.0345

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih Kurang Luas yang Hendak Diambil
	GM.		Hektar	Hektar
3609	336	Hamzah b. Sulong K/P. 3802663 No. Perserahan 9/80. Kaveat Persendirian atas tanah oleh Hamzah b. Sulong K/P. 3802663 (26.10.1980). No. Perserahan 418/82, Folio 18, Jilid 5. Gadaian menjamin wang pokok oleh Hamzah b. Sulong K/P. 3802663 kepada Awang b. Ali K/P. 1107487 (25.11.1982)	0.8842	0.3164
456	2044	Hamzah b. Sulong K/P. 3802663	0.3711	0.3711
457	2045	Tengku Saidah bt. Tengku Mohd. Amin	0.4654	0.4654
458	2046	Ibrahim b. Mohamad – 1/3, Ismail b. Mohamad – 1/3 dan Mek bt. Mohamad – 1/3 bhg.	0.3666	0.0439
460	2047	Zainal b. Abd. Hamid K/P. 4298812	1.0064	0.0816
5790	1648	Wan Nawang b. Ahmad	0.4101	0.0984
			Jumlah:	1.8553

Bertarikh 6 Februari 2002.
[PTG. TR. 07/63/2001/E/010;
PTS. 01/63/2000/E/001.]

DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR,
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu

Hak Cipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA